



# LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT


# 2019





# LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

# 2019



## SIDANG REDAKSI

<b>PENASIHAT</b>	YBrs. Jailan bin Simon Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia
<b>KETUA EDITOR</b>	Ramlan Ab. Rahman
<b>SIDANG EDITOR</b>	Malini Kunjappan Norain Farah Aida binti Ismail
<b>PENYELARAS</b>	Marina binti Ismail
<b>FOTO</b>	Rosli Abu Bakar Pegawai-pegawai Jabatan Meteorologi Malaysia
<b>PEREKA GRAFIK</b>	Nuraishah binti Sharif

<b>KREDIT GAMBAR</b>	MUKA DEPAN: Mohamad Hafiz bin Anwar (Pejabat Meteorologi Butterworth)
	MUKA BELAKANG: Nor Aini binti Abu Kasim (Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Sabah)

Jabatan Meteorologi Malaysia  
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,  
Alam Sekitar dan Perubahan Iklim

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Meteorologi Malaysia.

Diterbitkan oleh:  
**Jabatan Meteorologi Malaysia**  
Jalan Sultan  
46667 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan  
MALAYSIA

No. Telefon : +603-7967 8000  
No. Faksimili : +603-7954 9372  
Laman Web : [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my)

Dicetak di Malaysia

# KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PENGARAH MESSAGE FROM DIRECTOR GENERAL	7
PROFIL KORPORAT CORPORATE PROFILE	11
METMALAYSIA BERSAMA MESTECC METMALAYSIA WITH MESTECC	19
SOROTAN 2019 2019 OVERVIEW	21
CUACA DAN IKLIM WEATHER AND CLIMATE	29
METEOROLOGI PENERBANGAN DAN PEJABAT METEOROLOGI NEGERI AVIATION METEOROLOGY AND STATE METEOROLOGICAL OFFICES	43
PENCERAPAN CUACA DAN RANGKAIAN PEMANTAUAN WEATHER OBSERVATION AND MONITORING NETWORKS	47
SAINS ATMOSFERA DAN PEMBENIHAN AWAN ATMOSPHERIC SCIENCE AND CLOUD SEEDING	55
GEMPA BUMI EARTHQUAKE	61
PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL RESEARCH AND TECHNICAL DEVELOPMENT	65
AKTIVITI KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA NATIONAL AND INTERNATIONAL ACTIVITIES	73
SENARAI PEJABAT METEOROLOGI NEGERI LIST OF STATE METEOROLOGICAL OFFICES	87





**PERUTUSAN KETUA PENGARAH**  
**MESSAGE FROM DIRECTOR GENERAL**



## Perutusan KETUA PENGARAH

### *Message From DIRECTOR GENERAL*

Sepanjang tahun 2019, negara telah mengalami beberapa kejadian cuaca ekstrem. Kehadiran Ribut Tropika Pabuk berhampiran dengan perairan negara pada 31 Disember 2018 hingga 4 Januari 2019 telah membawa angin kencang, ombak besar dan hujan lebat ke negeri-negeri di pantai timur Semenanjung, seperti Kelantan dan Terengganu. Manakala kawasan utara Semenanjung telah menerima tempias apabila Taufan Lekima membadi bahagian timur negara China pada 9 Ogos 2019. Kesan ekor Taufan Lekima membentuk garis badai yang melanda negeri-negeri di utara Semenanjung seperti Pulau Pinang, Kedah dan Perlis menyebabkan kerosakan teruk kepada struktur bangunan dan rumah. Monsun Timur Laut 2019/2020 juga merekodkan kejadian banjir besar di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor pada Disember 2019.

Throughout 2019, our country experienced various extreme weather events. The presence of Tropical Storm Pabuk near our waters on December 31, 2018 until January 4, 2019 brought strong winds, surging waves and heavy rains to the east coast states of the Peninsula such as Kelantan and Terengganu. Meanwhile, the northern part of the Peninsula suffered a devastating blow when Typhoon Lekima lashed the eastern part of China on August 9, 2019. The tail-end effect of Typhoon Lekima developed a squall line that struck the northern states of the Peninsula such as Penang, Kedah and Perlis causing severe damage to buildings and houses. The Northeast Monsoon 2019/2020 also recorded major floods in Kelantan, Terengganu, Pahang and Johor in December 2019.

Tahun 2019 turut merekodkan beberapa siri gelombang haba susulan daripada kehadiran fenomena El-Nino. Chuping, Perlis telah merekodkan gelombang haba pada 5 hingga 8 Mac 2019 dengan suhu maksimum antara 37.1°C dan 37.7°C dan pada 18 hingga 22 Mac 2019 dengan suhu maksimum antara 37.2°C dan 38°C. Semasa Monsun Barat Daya, keadaan cuaca panas dan kering telah menyebabkan jerebu tempatan dan jerebu rentas sempadan yang menyumbang kepada peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri-negeri pantai barat Semenanjung dan beberapa bahagian di Sarawak.

Pada bulan September 2019, apabila kualiti udara mencapai tahap tidak sihat dan bahaya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengarahkan penutupan lebih kurang 2,000 buah sekolah membabitkan dua juta pelajar di Selangor, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Sarawak.

Sabtu tahun, pada tanggal 23 Mac, komuniti meteorologi meraikan sambutan Hari Meteorologi Sedunia (WMD). Pada tahun 2019, tema WMD adalah 'Matahari, Bumi dan Cuaca'. Pemilihan tema ini menunjukkan peranan matahari sebagai sumber tenaga terhadap kehidupan di muka bumi dan kesannya terhadap kitaran hidrologi dan arus lautan yang memberi kesan terhadap corak cuaca dan iklim.

Menyedari kepentingan menerapkan kesedaran tentang cuaca dan iklim kepada generasi muda, MET Malaysia dengan kerjasama Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengadakan program turun padang dengan menyambut WMD 2019 di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu, Kuala Kangsar, Perak. Kerjasama dengan KPM diteruskan lagi dengan sepuluh siri Program Kesedaran Awam mengenai Risiko Bencana Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami di seluruh negara melibatkan pelajar dan guru. Di samping itu, MET Malaysia telah menyertai 46 aktiviti pameran dan juga giat menjalankan program *Education In Schools* (ESTECC) di setiap negeri

The year 2019 also recorded a series of heat waves following the presence of the El-Nino phenomenon. Chuping, Perlis recorded a heat wave on March 5 to 8, 2019 with a maximum temperature of between 37.1°C and 37.7°C whereas on March 18 to 22, 2019 with a maximum temperature of between 37.2°C and 38°C. During the Southwest monsoon, hot and dry weather conditions caused local and transboundary haze that contributed to the increase in Air Pollution Index (API) in the west coast states of the Peninsula and some parts of Sarawak.

In September 2019, when the air quality reached unhealthy and dangerous levels, the Ministry of Education Malaysia (MOE) ordered the closure of about 2,000 schools affecting two million students in Selangor, Federal Territory of Putrajaya, Federal Territory of Kuala Lumpur, Penang, Negeri Sembilan and Sarawak.

Every year, on March 23, the meteorological community celebrates World Meteorological Day (WMD). In 2019, the theme of WMD was 'The Sun, The Earth and The Weather'. The selection of this theme shows the role of the sun as a source of energy for life on Earth and its effect on the hydrological cycles and ocean current that affects the climate and weather patterns.

Realising the importance of cultivating awareness on weather and climate for the younger generation, MET Malaysia in collaboration with Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Centre, Ministry of Education (MOE) has gone to the ground and celebrated the WMD 2019 at Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu in Kuala Kangsar, Perak. The cooperation with MOE is further strengthened with a series of ten Public Awareness Programmes on Extreme Weather, Earthquake and Tsunami involving students and teachers. In addition, MET Malaysia have participated in 46 exhibitions and also actively conducted Education in Schools (ESTECC) programmes in every state to meet the goals set by MESTECC.

MET Malaysia turut melaksanakan beberapa projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) bagi menyokong perkhidmatan yang diberikan. Sebanyak dua projek pembangunan telah berjaya disiapkan manakala dua projek pembangunan akan disambung pada tahun 2020. Selain, pembangunan infrastruktur dan peralatan, aspek pembangunan modal insan turut diberi penekanan bagi memastikan mutu perkhidmatan yang diberikan mencapai visi dan misi seperti mana ditetapkan.

Penganjuran bengkel dan kursus dalaman serta menghadiri kursus, bengkel dan seminar di luar negara merupakan sebahagian usaha jabatan dalam meningkatkan pembangunan modal insan. Di samping itu, peluang kolaborasi dengan agensi dan institusi tempatan seperti Tentera Laut DiRaja Malaysia (TLDM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan agensi serta institusi luar negara seperti UK MET Office dan Hong Kong Observatory (HKO) juga memberi peluang kepada kakitangan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Kelulusan pelaksanaan Pakar Bidang Khusus, *Subject Matter Expert* yang diperoleh dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan peluang kenaikan pangkat alternatif kepada kakitangan bagi sebuah agensi skim tertutup seperti MET Malaysia.

Diharapkan dengan usaha dan inisiatif yang dilaksanakan, ianya akan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan dan MET Malaysia akan kekal relevan mendepani cabaran. Sekalung tahniah dan penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua warga MET Malaysia yang telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi sepanjang tahun.

MET Malaysia have also implemented several development projects under the Eleventh Malaysia Plan (11MP) to support the services provided. Two development projects have been successfully completed while two other development projects will be continued in 2020. Besides infrastructure and equipment development, the human capital development aspect has also emphasized in ensuring quality of services provided meets the vision and mission as set.

Organizing workshops and courses internally as well as attending courses, workshops and seminars abroad are part of the MET Malaysia's efforts in enhancing human capital development. In addition, collaboration opportunities with local agencies and institutions such as the Royal Malaysian Navy (RMN), the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA), Department of Irrigation and Drainage (DID) and overseas agencies and institutions such as the UK MET Office and Hong Kong Observatory (HKO) also provides opportunity to employees to enhance their knowledge and skills. The approval to implement the Subject Matter Expert (SME) obtained from the Public Service Department (PSD) is an alternative promotion opportunity for employees in a closed scheme agency like MET Malaysia.

It is hoped that the efforts and initiatives implemented will enhance the effectiveness of the services provided and MET Malaysia will remain relevant to take up the challenges. My heartiest congratulations and sincere appreciation to all MET employees who have performed their tasks dedicatedly throughout the year.



**JAILAN BIN SIMON**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Meteorologi Malaysia  
Director General  
Malaysian Meteorological Department



# **PROFIL KORPORAT**

## **CORPORATE PROFILE**

**VISI**

Menjadi agensi peneraju unggul dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik

**VISION**

To become a leading agency in meteorology, climatology and geophysics

**MISI**

Membekal perkhidmatan meteorologi, iklim dan geofizik yang cekap dan berkesan untuk kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan lestari selaras dengan keperluan negara dan antarabangsa

**MISSION**

To provide efficient and effective meteorological, climatological and geophysics services for the well-being, safety and sustainable development in order to meet the national and international needs

**OBJEKTIF**

1. Mengeluarkan maklumat dan ramalan cuaca bertepatan masa untuk penerbangan awam dan tentera, pelbagai aktiviti marin dan orang awam.
2. Mengeluarkan maklumat gempa bumi dan tsunami bertepatan masa untuk agensi pengurusan bencana, orang awam dan media.
3. Menyediakan amaran awal tentang kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk, keadaan laut bergelora dan ancaman tsunami kepada orang awam, media dan agensi berkaitan yang terlibat dalam menangani bencana.
4. Menjalankan operasi pemberian awan bagi menangani isu jerebu, meningkatkan sumber air dan pelbagai tujuan lain.
5. Mempromosikan kesedaran awam mengenai cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami.

**OBJECTIVE**

1. To issue timely information and weather forecast for commercial and military aviation, public and marine activities.
2. To issue timely information on earthquakes and tsunami for disaster management agencies, public and media.
3. To provide early warning of the possibility of the bad weather phenomenon, rough seas condition and tsunami threat to public, media and related agencies involved in disaster management.
4. To conduct cloud seeding operations in order to address haze issue, increase water resources and other purposes.
5. To promote public awareness on extreme weather, earthquake and tsunami.

## **PIAGAM PELANGGAN**

Jabatan Meteorologi Malaysia berusaha memberikan perkhidmatan meteorologi dan geofizik yang berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan ekonomi dan keselamatan negara kita. Kami berjanji akan melaksanakan perkara-perkara berikut:


- Permohonan maklumat meteorologi, seismologi dan tsunami akan diberi maklumbalas dalam tempoh satu hari bekerja dan dibekalkan dalam tempoh lima hari bekerja.
- Maklumat cuaca untuk penerbangan disediakan dalam tempoh tiga jam sebelum pelepasan.
- Buletin Cuaca Bulanan akan diterbitkan dalam tempoh 10 hari bekerja pada setiap permulaan bulan berikutnya.
- Ringkasan Pencerapan Cuaca Tahunan akan diterbitkan pada Februari tahun berikutnya.
- Buletin Agrometeorologi 10 hari akan diterbitkan dalam tempoh lima hari bekerja selepas setiap dekad.
- Tinjauan dan Analisis Agroklimatik Bulanan akan diterbitkan pada minggu kedua bulan berikutnya.
- Imej radar dan satelit di laman web akan dikemaskini setiap 10 minit.
- Maklumat awal gempa bumi dan tsunami akan disebarluaskan kepada agensi-agensi berkaitan dan media massa dalam tempoh lapan minit daripada kejadian gempa bumi dikesan.

## **CLIENT CHARTER**

Malaysian Meteorological Department is responsible to provide high quality meteorological and geophysical services to fulfil both economic and security needs of our nation. We pledge to perform as follows:

- Request for meteorological, seismological and tsunami information will be responded within one working day and supplied within five working days.
- Weather information for flights will be ready three hours before departure.
- Monthly Weather Bulletin will be published within 10 working days in the beginning of the following month.
- Annual Weather Observation Summary will be published by February of the following year.
- 10-day Agrometeorological Bulletin will be published within five working days after each decade.
- Monthly Agroclimatic Review and Analysis will be published in the second week of the following month.
- Radar and satellite images on the website will be updated every 10 minutes.
- Preliminary earthquake and tsunami information will be disseminated to the relevant agencies and media within eight minutes upon the detection of earthquake.

## CARTA ORGANISASI ORGANIZATIONAL CHART



**PENGURUSAN TERTINGGI  
TOP MANAGEMENT**

**KETUA PENGARAH  
DIRECTOR GENERAL**



**JAILAN BIN SIMON**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(STRATEGIK & TEKNIKAL)**

**DEPUTY DIRECTOR GENERAL  
(STRATEGIC & TECHNICAL)**



**MAZNORIZAN BINTI  
MOHAMAD**

(Mulai (Appointed)  
10.09.2019)

**DR. WAN AZLI BIN  
WAN HASSAN**

(17.04.2017 -  
23.07.2019)

**TIMBALAN KETUA PENGARAH  
(OPERASI)**

**DEPUTY DIRECTOR GENERAL  
(OPERATION)**



**MUHAMMAD HELMI BIN  
ABDULLAH**

**PENGARAH & KETUA UNIT  
DIRECTORS & UNIT HEADS**

**PEJABAT KETUA PENGARAH/DIRECTOR GENERAL OFFICE**

**DR. MOHD HISHAM BIN MOHD ANIP**

**PENGARAH KANAN/SENIOR DIRECTOR**  
Pusat Meteorologi Penerbangan Nasional  
National Meteorological Aviation Centre

**LING LEONG KWOK**

**PENGARAH KANAN/SENIOR DIRECTOR**

Pusat Instrumentasi Meteorologi  
dan Sains Atmosfera  
Meteorological Instrumental and  
Atmospheric Science Centre

**ROZZITA SULAIMAN**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Management Service Division

**RAMLAN AB. RAHMAN**

**KETUA UNIT/UNIT HEAD**  
Unit Komunikasi Korporat  
Corporate Communication Unit

**THANARUBINI A/P  
VADIVELOO**

**KETUA UNIT/UNIT HEAD**  
Unit Integriti  
Integrity Unit

**DR. AHMAD FAIRUDZ JAMALUDDIN**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Sains Atmosfera dan Pemberian Awan  
Atmospheric Science and Cloud Seeding Division

**WAN MOHD NAZRI WAN DAUD**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Instrumentasi Meteorologi  
Meteorological Instrumental Division

**STRATEGIK DAN TEKNIKAL/ STRATEGIC AND TECHNICAL**

**DR. FARIZA YUNUS**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Penyelidikan dan  
Pembangunan Teknikal  
Research and Technical Development Division

**KHAZAINANI BINTI SALLEH**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pusat Iklim Nasional  
National Climate Division

**LIM ZE HUI**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Latihan Teknikal  
Technical Training Division

**MOHD ZUNAIDI MAT**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Komunikasi Meteorologi  
Meteorological Communication  
Division

**LUCIA ENGGONG**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Perancangan Strategik  
dan Antarabangsa  
Strategic Planning and  
International Division

**PENGARAH & KETUA UNIT  
DIRECTORS & UNIT HEADS**

**OPERASI/ OPERATION**

**HAMRAY BIN MUHAMMAD YAZIT**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional  
National Weather and Geophysics

**AZAHANI BINTI ABD AZIZ**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik  
Technical Weather and Geophysics Division

**MAQRUN FADZLI BIN MOHD FAHMI**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Bahagian Radar dan Satelit Meteorologi  
Radar and Satellite Meteorological Division

**PEJABAT METEOROLOGI NEGERI/ STATE METEOROLOGICAL OFFICES**

**AMBUNG DINDANG**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Sarawak  
Sarawak Meteorological Office

**AMIRZUDI BIN HASHIM**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Sabah  
Sabah Meteorological Office

**AZEMI BIN DAUD**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Pulau Pinang  
Pulau Pinang Meteorological Office

**NOR ADAWIAH BINTI ABDULLAH**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Johor  
Johor Meteorological Office

**RABIAH AL ADAWIAH BINTI ZAKARIA**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Kelantan  
Kelantan Meteorological Office

**ROSLI BIN ZAKARIA @ CHE KOB**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Terengganu  
Terengganu Meteorological Office

**KHAIRUL NAJIB BIN IBRAHIM**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Pahang  
Pahang Meteorological Office

**AZMI BIN ATAN**

**PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Selangor  
Selangor Meteorological Office

**PENGARAH & KETUA UNIT  
DIRECTORS & UNIT HEADS****PEJABAT METEOROLOGI NEGERI/ STATE METEOROLOGICAL OFFICES****HABURI BIN HAMDAN****PENGARAH/DIRECTOR**

Pejabat Meteorologi Wilayah  
Persekutuan Labuan  
Federal Territory of Labuan  
Meteorological Office

**IBRAHIM BIN JOHARI****PENGARAH/DIRECTOR**  
Pejabat Meteorologi Perak  
Perak Meteorological Office**MUHAMMAD KHALIL BIN AB AZIZ****PENGARAH/DIRECTOR**

Pejabat Meteorologi Kedah  
Kedah Meteorological Office

**NASRUL HAKIM BIN HASHIM****PENGARAH/DIRECTOR**

Pejabat Meteorologi Melaka  
Melaka Meteorological Office

**MOHD SAHARUDI BIN SAAD****PENGARAH/DIRECTOR**

Pejabat Meteorologi Perlis  
Perlis Meteorological Office

**RAFIZAM BIN RAMLI****PENGARAH/DIRECTOR**

Pejabat Meteorologi Negeri Sembilan  
Negeri Sembilan Meteorological Office



**MET MALAYSIA BERSAMA  
MESTECC**

**MET MALAYSIA WITH  
MESTECC**

## MET MALAYSIA BERSAMA MESTECC MET MALAYSIA WITH MESTECC

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), YB Puan Yeo Bee Yin melawat Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang pada 12 September 2019 bagi meninjau persiapan Operasi Pemberian Awan.



Timbalan Menteri MESTECC, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis melawat pameran jabatan dalam Program Sambutan Hari Bumi 2019 Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada 21 April 2019.



Ketua Setiausaha MESTECC, YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahaya merasmikan sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2019 dan Pelancaran Buku Iklim Perak di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu, Kuala Kangsar, Perak pada 19 Mac 2019.



Minister of Energy, Science, Technology, Environment and Climate Change (MESTECC), YB Puan Yeo Bee Yin visited the Subang Royal Malaysian Air Force on September 12, 2019 to see the preparations of Cloud Seeding Operations.



Deputy Minister of MESTECC, YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis visited the department exhibition at The National Level World Earth Day 2019 celebration programme. The programme was held in Kota Kinabalu, Sabah on April 21, 2019.



Secretary General of MESTECC, YBhg. Datuk Seri Dr. Mohd Azhar bin Haji Yahaya officiated The World Meteorological Day 2019 celebration and Iklim Perak Book Launch at Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Merchu, Kuala Kangsar, Perak on March 19, 2019.





# **SOROTAN 2019**

## **2019 OVERVIEW**

### SUMBER MANUSIA


Pada tahun 2019, dalam memastikan kesinambungan fungsi-fungsi utama serta kemajuan kerjaya, MET Malaysia telah memproses 74 pemangkuhan dan 58 kenaikan pangkat bagi kakitangannya.

Sehingga 31 Disember 2019, kekuatan warga kerja MET Malaysia adalah seramai 859 orang anggota daripada 1036 perjawatan. Peratus pengisian perjawatan adalah sebanyak 83%.

### HUMAN RESOURCES

In 2019, to ensure the continuity of the core business and career development, MET Malaysia processed the acting posts for 74 employees and promotions for 58 of its employees.

As at December 31, 2019 MET Malaysia had a total number of 859 employees from 1036 posts. The percentage of positions filled was 83%.



### PEMBANGUNAN MODAL INSAN


Sepanjang tahun 2019, sebanyak 31 kursus dalaman telah dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam bidang berkaitan meteorologi dan pembangunan modal insan, selain meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan dan kegunaan maklumat meteorologi.

Sejumlah 789 daripada 859 keseluruhan pegawai berjaya menghadiri tujuh atau lebih hari berkursus. Ini mewakili pencapaian Petunjuk Prestasi Utama sebanyak 92% bagi tahun 2019.

### HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

Throughout the year 2019, a total of 31 internal courses were conducted to enhance the understanding and skills in the areas of meteorology and human capital development, besides increasing awareness on the importance and usage of meteorological information.

789 out of 859 employees had successfully attended seven or more days of courses. This represented a Key Performance Indicator of 92% in 2019.



Antara kursus-kursus yang dijalankan adalah :

- i) Kursus Pengendalian dan Pemantapan Sistem Aplikasi *Automatic Weather System* (AWS)
- ii) Kursus Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat MS ISO/IEC 27001:2013
- iii) Kursus Asas Penolong Pegawai Meteorologi Sesi 2018/2019
- iv) Kursus Pengukuhan Sistem Aplikasi Radar *Dual Polarization* dan Satelit Meteorologi Generasi Baru

Among the courses conducted were:

- i) Automatic Weather System (AWS) System Application Managing and Strengthening Course
- ii) MS ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System Course
- iii) Basic Course for Assistant Meteorological Officers 2018/2019 Session
- iv) Radar Dual Polarization Application and New Generation Meteorological Satellite Strengthening Course



MET Malaysia juga telah melaksanakan Program *Apprenticeship* bertujuan untuk memberi bimbingan, sokongan dan bantuan melalui penerapan elemen psikologi dan kaunseling kerjaya oleh mentor kepada *apprentice*.

Program *Apprenticeship* Siri 1/2019 telah diadakan pada 19 Jun 2019 sehingga 4 September 2019. Program ini melibatkan penyertaan sembilan pegawai pelbagai gred (Gred 11 hingga 48) bersama dua orang mentor (Gred Utama C).



Di samping itu, sebanyak 10 program Skim Latihan Kepakaran Teknikal (LKT) dan satu program Skim Latihan Kepakaran Tenikal (EXPT) telah dilaksanakan di bawah Program Pembangunan Modal Insan MESTECC dengan penglibatan seramai 25 orang kakitangan.

MET Malaysia also conducted the Apprenticeship Programme aimed at providing guidance, support and assistance by inculcating psychological elements and career counselling through mentors for the apprentice.

The Series 1/2019 Apprenticeship Programme was held from June 19 till September 4, 2019. Nine officers from various ranks (Grade 11 till 48) took part in the programme along with two mentors (Grade Utama C).

Besides that, a total of 10 programmes on Technical Expertise Training Scheme (LKT) and one Technical Expertise Training Scheme (EXPT) were completed under MESTECC's Human Capital Development Program involving 25 employees.



MET Malaysia turut mengalakkan kakitangannya melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah (PhD). Pada tahun 2019, seramai dua orang pegawai meteorologi telah melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana manakala seorang pegawai melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD.

MET Malaysia also encourages its employees to pursue higher education at the Masters and Doctoral (PhD) levels. In 2019, two meteorological officers pursued masters studies and one meteorological officer pursued PhD studies.

Pada 5 Julai 2019, MET Malaysia telah mendapat kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi pelaksanaan Pakar Bidang Khusus (SME) dalam bidang iklim, geofizik dan meteorologi.

Selain itu, bagi menyokong pembangunan sumber manusia negara, MET Malaysia telah menawarkan latihan industri kepada 40 orang pelajar.



MET Malaysia juga terlibat dalam aktiviti yang berorientasikan masyarakat bagi mendidik, memberi kesedaran dan meningkatkan kesiapsiagaan dalam kalangan orang awam terutamanya dari aspek kepentingan memahami maklumat dan data meteorologi.

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 46 aktiviti pameran dan program kesedaran awam telah berjaya dilaksanakan oleh MET Malaysia. Jabatan juga telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menganjurkan sepuluh siri Program Kesedaran Awam Mengenai Risiko Bencana Cuaca Ekstrem, Gempa Bumi dan Tsunami.

On July 5, 2019, MET Malaysia obtained the approval from the Public Service Department (JPA) for the implementation of Subject Matter Expert (SME) in the areas of climate, geophysics and meteorology.

Besides that, in support of the national human resources development, MET Malaysia offered industrial trainings to 40 students.



MET Malaysia was also involved in community-oriented activities in educating, creating awareness and improving preparedness among the people especially on the importance of understanding the meteorological information and data.

In 2019, a total of 46 exhibition and public awareness programmes were successfully conducted by MET Malaysia. The department in collaboration with the Ministry of Education (MOE) organised ten series of Public Awareness Programme on the Risk of Extreme Weather, Earthquake and Tsunami.

<b>BIL NO</b>	<b>TARIKH DATE</b>	<b>LOKASI LOCATION</b>
<b>1</b>	12/03/2019	Kuala Terengganu, Terengganu
<b>2</b>	14/03/2019	Tumpat, Kelantan
<b>3</b>	09/04/2019	Bukit Keteri, Perlis
<b>4</b>	11/04/2019	Teluk Bahang, Pulau Pinang
<b>5</b>	25/06/2019	Miri, Sarawak
<b>6</b>	27/06/2019	Bintulu, Sarawak
<b>7</b>	16/07/2019	Kota Belud, Sabah
<b>8</b>	18/07/2019	Kudat, Sabah
<b>9</b>	20/08/2019	Sandakan, Sabah
<b>10</b>	22/08/2019	Lahad Datu, Sabah

Butiran program kesedaran awam tahun 2019  
List of public awareness programmes in 2019

## PERUNTUKAN


Perbelanjaan mengurus MET Malaysia bagi tahun 2019 adalah berjumlah RM81.46 juta, iaitu 92.36% berbanding dengan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM88.21 juta.

Pengurangan peratusan perbelanjaan berbanding tahun 2018 (93.75%) adalah disebabkan penjimatan perbelanjaan yang diamalkan jabatan selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan.

## BUDGET

MET Malaysia's operating expenditure for 2019 was RM81.46 million, i.e. 92.36% compared to the approved allocation of RM88.21 million.


The reduction of expenditure compared to year 2018 (93.75%) was due to the saving measures practised by the department in line with the government's intention to optimise government spending.



Perbelanjaan Mengurus dari tahun 2016 hingga 2019  
Operating Expenditure from year 2016 till 2019

Perbelanjaan pembangunan MET Malaysia bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM21.65 juta iaitu 99.55% berbanding peruntukan yang diluluskan iaitu RM21.76 juta. Jumlah ini adalah satu pengurangan berbanding dengan tahun 2018 (99.85%).

MET Malaysia's development expenditure for 2019 was RM21.65 million, i.e. 99.55% compared to the approved allocations of RM21.76 million. There is a slight decrease in development expenditure compared to year 2018 (99.85%).




Perbelanjaan Pembangunan dari tahun 2016 hingga 2019  
Development Expenditure from year 2016 till 2019

## PROJEK PEMBANGUNAN

Pada tahun 2019, dua projek pembangunan telah berjaya disiapkan manakala dua projek disambung ke tahun 2020.

Projek yang siap dilaksanakan adalah:

- i) Projek pemasangan *wind shear detection system* di lapangan terbang seluruh Malaysia.
- ii) Penggantian *Meteorological Data Processing System* (MDPS) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan mewujudkan *Disaster Recovery Centre* (DRC) bagi MDPS.



Pelan Reka bentuk Sistem MDPS dan DRC  
Design of MDPS System and DRC

Dua projek pembangunan yang disambung ke tahun 2020 adalah:

- i) Peningkatan kecekapan sistem rangkaian radar cuaca
- ii) Peningkatan perkhidmatan iklim

## PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI)

Secara keseluruhan, Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MET Malaysia pada tahun 2019 adalah seperti berikut:

- i) Purata kejituuan ramalan cuaca awam bagi tempoh

## DEVELOPMENT PROJECT

In 2019, two development projects were successfully completed whereas two other projects will be continued in 2020.

The completed projects were:

- i) Installation of wind shear detection system at airports nationwide.
- ii) Replacement of Meteorological Data Processing System (MDPS) at Kuala Lumpur International Airport (KLIA) and to create the Disaster Recovery Centre (DRC) for MDPS.

Two development projects that will be continued in 2020 are:

- i) Enhancement of the Weather Radar Network System Efficiency
- ii) Enhancement of climate services

## KEY PERFORMANCE INDICATORS (KPI) ACHIEVEMENT

Overall, the achievement of MET Malaysia's Key Performance Indicator (KPI) in 2019 is as follows

- i) Public weather forecast accuracy for:

### Pencapaian Sasaran/ Achieved Target

HARI DAY	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT	SASARAN TARGET
1 hari / day	86.59%	85%
3 hari / day	84.69%	75%
7 hari / day	82.95%	65%

ii) Purata kejituhan ramalan cuaca lautan bagi tempoh:

ii) Average accuracy of marine weather forecast within:

### Pencapaian Sasaran/ Achieved Target

HARI DAY	PENCAPAIAN ACHIEVEMENT	SASARAN TARGET
1 hari / day	87.12%	85%
3 hari / day	85.68%	75%
7 hari / day	83.58%	65%

iii) Purata penghantaran maklumat awal berkaitan gempa bumi dan tsunami tempatan dalam tempoh 8 minit dari masa kejadian gempa tersebut adalah 93%.

- Purata kejituhan ramalan cuaca penerbangan: 93%
- Purata kejituhan tinjauan cuaca bermusim dan iklim: 64%

Kesinambungan pensijilan ISMS ISO / IEC 27001:2013 jabatan diteruskan berikutan penemuan *Surveillance Audit* yang baik dengan tempoh sah laku pada 31 Oktober 2017 hingga 30 Oktober 2020.

iii) The average dissemination of early information on local earthquakes and tsunamis within 8 minutes from the beginning of the earthquake is 93%.

- Average accuracy of aviation weather forecast is 93%
- Average accuracy of seasonal weather and climate is 64%

The continuity of MET Malaysia's ISMS certification ISO/IEC 27001:2013 was achieved following the favourable findings through the Surveillance Audit from October 31, 2017 until October 30, 2020.





# **CUACA DAN IKLIM**

## **WEATHER AND CLIMATE**

## CUACA DAN IKLIM WEATHER AND CLIMATE

### CUACA PADA 2019

Anggaran suhu purata dunia bagi 2019 adalah  $0.81 \pm 0.1^\circ\text{C}$  atas paras purata 1961 –1990 dan suhu purata 2019 berada di tangga kedua terpanas selepas tahun 2016. Tahun paling panas yang direkodkan dalam 10 tahun terkini adalah pada tahun 2016 dengan  $0.87 \pm 0.1^\circ\text{C}$  lebih daripada purata 1961-1990 disebabkan kehadiran El Niño kuat pada tahun 2015 dan 2016.

KEDUDUKAN RANK	TAHUN YEAR	ANOMALI (°C) ANOMALY (°C)	ANOMALI (°F) ANOMALY (°F)
1	2016	0.95	1.71
2	2019	0.92	1.66
3	2015	0.91	1.64
4	2017	0.85	1.53
5	2018	0.79	1.42

Sumber/[Source:](#)

[National Centers for Environment Information \(2019\)](https://www.ncdc.noaa.gov/sotc/global/201911)

<https://www.ncdc.noaa.gov/sotc/global/201911>

Iklim Malaysia dicirikan oleh tiga komponen utama iaitu corak tiupan angin, taburan hujan dan suhu. Di samping itu kehadiran *El-Nino Southern Oscillation* (ENSO), kitaran berkala *Indian Ocean Dipole* (IOD) dan *Madden Julian Oscillation* (MJO) turut mempengaruhi taburan hujan negara.

Negara telah mengalami fasa lemah El-Niño yang bermula pada Oktober 2018 dan berterusan sehingga Jun 2019, diikuti dengan ENSO neutral yang berterusan sehingga Disember 2019. Fenomena El Niño yang lemah lazimnya memberi impak yang minimum terhadap taburan hujan di Malaysia.

Purata suhu untuk tahun 2019 adalah  $27.63^\circ\text{C}$ , iaitu  $0.69^\circ\text{C}$  di atas normal. Suhu normal bagi Malaysia adalah  $26.94^\circ\text{C}$ . Purata suhu maksimum 2019 pula sekitar  $32.67^\circ\text{C}$ , iaitu  $0.71^\circ\text{C}$  di atas normal manakala purata suhu minimum 2019 adalah  $24.24^\circ\text{C}$ , iaitu  $0.66^\circ\text{C}$  di atas normal. Purata suhu ini secara umumnya menunjukkan trend peningkatan berbanding normal.

Perubahan iklim dikaitkan sebagai salah satu faktor berlakunya peningkatan suhu ini. Kitaran ENSO juga memainkan peranan utama iaitu kebanyakan tahun dengan suhu tertinggi adalah merupakan tahun-tahun El Niño.

### WEATHER IN 2019


The world's average temperature estimation for 2019 was  $0.81 \pm 0.1^\circ\text{C}$  above the average of 1961-1990 and the average temperature for 2019 was the second warmest recorded after year 2016. The warmest year in record for the last ten years was in 2016 with the estimation of  $0.87 \pm 0.1^\circ\text{C}$  above the average of 1961-1990 due to strong El Niño in 2015 and 2016.

Malaysia's climate can be characterized by three main components namely wind pattern, rainfall and temperature. In addition, the presence of El-Nino Southern Oscillation (ENSO), Indian Ocean Dipole (IOD) periodic cycle and Madden Julian Oscillation (MJO) affects the nation's rainfall distribution.

The country had experienced a weak phase of El-Niño which started in October 2018 and continued until June 2019, followed by a neutral ENSO that continued until December 2019. A weak El Niño phenomenon usually has a minimal impact on rainfall distribution in Malaysia.


The average temperature for 2019 was  $27.63^\circ\text{C}$ , was  $0.69^\circ\text{C}$  above normal. The normal temperature for Malaysia is  $26.94^\circ\text{C}$ . The average maximum temperature of 2019 was around  $32.67^\circ\text{C}$ , which was  $0.71^\circ\text{C}$  above normal while the average minimum temperature of 2019 is  $24.24^\circ\text{C}$ , which was  $0.66^\circ\text{C}$  above normal. This average temperature generally indicates an increasing trend compared to normal.

Climate change is one of the factors that causes a rise in temperature. The ENSO cycle also plays a key role where most years with the highest temperatures recorded are the El Niño years.



Pada tahun 2019, jumlah hujan tertinggi di rekodkan di Sarawak antara 3200mm dan 4600mm. Di Sabah pula, jumlah hujan yang direkodkan adalah antara 1500mm dan 3100mm dengan hujan lebih tertumpu di Sandakan. Di Semenanjung pula, jumlah hujan yang direkodkan adalah antara 1800mm dan 3900mm dengan hujan lebih tertumpu di Selangor.

In 2019, the highest total rainfall recorded was in Sarawak between 3200mm and 4600mm. In Sabah, the total rainfall recorded was between 1500mm and 3100mm, mostly in Sandakan. Whereas in Peninsula, the total rainfall recorded was between 1800mm and 3900mm, mostly in Selangor.



Sepanjang tahun 2019, Malaysia telah mengalami pelbagai kejadian cuaca ekstrem. Pada 10 Ogos 2019, kawasan utara Semenanjung turut menerima kesan angin kencang serta hujan lebat apabila Taufan Lekima membadi China. Kehadiran taufan ini telah menggalakkan pembentukan garis badai di utara Semenanjung yang telah kerosakan teruk kepada infrastruktur dan menjelaskan kehidupan penduduk.



Ribut akibat kesan Taufan Lekima pada 10 Ogos 2019 di Pulau Pinang  
**Storm effects of the Typhoon Lekima on August 10, 2019 in Penang**  
 (Gambar/Photo: Berita Harian Online)

Dua episod gelombang haba telah direkodkan pada 5 hingga 8 Mac 2019 (suhu maksimum harian 37.1°C – 37.7°C) dan 18 hingga 22 Mac 2019 (suhu maksimum harian 37.2°C–38°C) berlaku di Chuping, Perlis.

Pemantauan status gelombang haba menunjukkan tahap berjaga-jaga (suhu maksimum harian 35°C–37°C) juga direkodkan di kawasan utara Semenanjung seperti Kedah, Perlis, utara Perak, sebahagian kawasan di Pahang, Kelantan, Kapit serta Sibu, Sarawak pada sekitar bulan Februari dan Mac 2019.



Jerebu di Kuala Lumpur pada 17 September 2019  
**Haze in Kuala Lumpur on September 17, 2019**  
 (Gambar/Photo: Bernama)

Throughout 2019, Malaysia had experienced various extreme weather events. On August 10, 2019 the northern part of the Peninsula suffered from strong winds and heavy rain when Typhoon Lekima hit China. The presence of the typhoon encouraged the formation of squall lines over the northern part of the Peninsula which severely damaged infrastructure and affected the lives of the people.



Jerebu di Sri Aman pada 20 September 2019  
**Haze in Sri Aman on September 20, 2019**  
 (Gambar/Photo: Berita Harian)

